

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL
[KUALA KEDAH]**

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan nyatakan tentang perkembangan projek pembinaan jambatan Titi Gajah-Alor Ganu. Bilakah dijangka projek ini akan selesai.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Membina Jalan dan Jambatan Alor Ganu/Titi Gajah, Daerah Kota Setar ke Titi Besi, Daerah Kubang Pasu, Kedah telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) di bawah RMK-11 *Rolling Plan* 1 tahun 2016 dengan kos projek berjumlah RM54.5 juta. Skop projek ini ialah membina jalan sepanjang 4km dan 2 buah jambatan konkrit.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, projek ini telah ditender pada 27 Ogos 2021. Pembinaan projek ini dijangka bermula pada awal tahun 2022 dan siap pada tahun 2024.